

# *Abdul Wafiy tak sangka dominasi acara 400 meter*



**Kuala Lumpur:** Atlet olahraga Universiti Malaya (UM), Abdul Wafiy Roslan mengakui tidak sangka dia mampu mendominasi acara 400 meter bagi kategori podium di Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 (Grand Final), di sini, semalam.

Terdahulu Wafiy yang turut berjaya meraih emas acara 200 m lelaki kelmarin mengakui saingan diberikan lawan cukup sengit sehingga keputusan terpaksa ditentukan menerusi 'photofinish'.

Bagaimanapun, dia tetap berbangga dengan pencapaiannya selepas sebelum ini terpaksa berehat panjang susulan pembedahan tumit.

"Kalau ikutkan saya tak sasar dapat emas kerana buat persediaan hanya beberapa minggu sebelum kejohanan. Malah kalau lihat perlumbaan tadi sangat seNGIT hingga pemenang terpaksa ditentukan guna photofinish.

"Jadi saya bersyukur kerana berjaya raih emas acara ini dan semalam zoom. Sebab sebelum ini, saya be-



AKSI Abdul Wafiy ketika acara 400 meter di Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 (Grand Final).

rehat panjang dan tak turun latihan selama setahun selepas pembedahan tumit.

"Selepas itu saya kembali buat latihan untuk persediaan Sukma dan selepas kejohanan berkenaan saya mengalami masalah hamstring.

"Jadi saya harap kejayaan ini akan meningkatkan semangat saya untuk buru slot secara automatik ke Sukan Sea Kemboja tahun depan," katanya.

Pada perlumbaan tersebut, Wafiy menamatkan saingan dengan catatan masa 48.42 saat (s) sekaligus memperbaharui rekod kejohanan. Perak dan gangsa dimenangi atlet Universiti Putra Malaysia (UPM), Luqmanul Hakim Khairul Akmal dan Muhammad Fir-

daus Mohd Zemi masing-masing dengan catatan 48.45s serta 48.56s.

Bagi kategori 400m wanita, atlet Universiti Malaysia Sabah, Chelsea Cassiofea berjaya menebus kekecewaan tewas dalam acara 200 meter untuk memenangi perlumbaan tersebut.

Lebih manis lagi, catatan masa 55.75s yang dilakukannya itu bukan sahaja berjaya memperbaharui rekod kejohanan malah Chelsea turut memperbaiki rekod peribadinya yang dilakukan tiga tahun lalu.

Perak dimenangi atlet UPM, Mandy Goh Li dengan catatan 56.29s manakala gangsa diraih atlet UM, Zaimah Atifah Zainuddin (60.59 ).